

China sahabat, bukan ancaman Asean: PM

Beijing mampu wujud keamanan, pertumbuhan ekonomi

DAVOS: China adalah sahabat dan ia sebahagian daripada persaudaraan Asean Campur Tiga (Asean+3), kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Kita hendaklah jangan bercakap mengenai ancaman China, tidak ada ancaman China. China mencabar, ya dan kita (Asean) membuktikan bahawa China hari ini adalah sahabat dan China sebahagian daripada kita (dalam proses Asean+3)," katanya apabila menjawab soalan pada persidangan akhbar terbuka di Forum Ekonomi Dunia (WEF) di sini, semalam dalam usaha untuk mengurangkan pengaruh China di Asia Timur.

Abdullah, yang bertanggungjawab untuk meneruskan usaha bagi men-

apatkan China ke dalam proses Asean+3, berkata China adalah penting untuk kerjasama Asia Timur.

Beliau berkata, banyak lagi rundingan mengenai penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Asean-China dan diharapkan cadangan itu akan membawa lebih kemakmuran untuk rantau ini.

Katanya, Sidang Kemuncak Asia Timur mempunyai mekanisme dan modaliti yang boleh meliputi negara dengan pengaruh strategik yang mahu menjadi sebahagian daripada proses Asia Timur.

Bagaimanapun, katanya negara ini mestilah mematuhi syarat mempunyai Perjanjian Amiti dan Kerjasama (TAC).

Abdullah berkata, beliau percaya

“China mencabar, ya dan kita (Asean) membuktikan bahawa China hari ini adalah sahabat dan China sebahagian daripada kita (dalam proses Asean+3)”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

dalam menilai Asean+3 dan proses Sidang Kemuncak Asia Timur kerana mereka adalah contoh semangat persahabatan daripada penyekatan.

Menyentuh apa yang beliau fikirkan mengenai menyambung semula rundingan enam pihak untuk membincangkan isu program nuklear Korea Utara mulai bulan depan, Abdullah berkata, dunia hendaklah memberikan rundingan itu satu peluang. China, katanya, juga memainkan peranan aktif di dalamnya.

"Saya tidak percaya sebarang mekanisme atau kumpulan yang boleh menyelesaikan masalah itu. Kita kena tunggu (hasil). "Jika ia tidak dapat ditangani, sekurang-kurangnya pada masa sekarang mereka boleh menangani situasi itu," katanya. - Bernama